

17/09/2002

Amerika dibenci jika serang Iraq

Kadir Dikoh

PUTRAJAYA, Isnin - Malaysia hari ini mengingatkan Amerika Syarikat bahawa sebarang serangan terhadap Iraq akan hanya mencetuskan perasaan marah dan meningkatkan rasa benci di kalangan umat Islam seluruh dunia.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, Washington juga tidak harus bersikap double standard serta menyetepikan fungsi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam bertindak ke atas Iraq.

Perdana Menteri berkata, tindakan Amerika secara bersendirian tanpa mandat PBB boleh menyemarakkan kemarahan umat Islam yang berasa mereka ditindas oleh kuasa besar itu.

Malah katanya, sekatan ke atas Iraq sejak 12 tahun lalu tidak menyulitkan kedudukan Presiden Saddam Hussein sebaliknya menyusahkan rakyat Iraq yang miskin, terutama orang tua dan bayi.

"PBB patut meminta Iraq membenarkan pemeriksaan senjata memasuki negara itu dan kemudian mengurangkan sekatan yang dikenakan terhadap Iraq. Sekatan tidak menyusahkan Saddam Hussein, ia tidak akan membuatnya mati.

"Ia menyusahkan rakyat miskin Iraq, termasuk mereka yang sakit, mereka yang tua, bayi, mereka inilah yang membayar harga bagi tindakan sekatan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan bangunan baru Perbendaharaan di sini, hari ini.

Kelmarin, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menemui Menteri Luar Iraq, Naji Sabri di luar sesi Perhimpunan Agung ke-57 PBB di New York dan menyampaikan saranan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) menggesa Iraq supaya menerima semula pasukan pemeriksaan senjata PBB untuk mengelakkan serangan Amerika Syarikat.

Iraq dilaporkan menyatakan kesediaan menerima pasukan pemeriksaan itu semula, dengan mengenakan beberapa syarat termasuk penarikan balik semua sekatan yang dikenakan terhadap Baghdad.

Dr Mahathir berkata, Amerika perlu mengambil kira sokongan negara lain sebelum mengambil langkah drastik menyerang Iraq.

"Kita hendak elak daripada timbul perasaan marah, benci orang Islam.

"Kalau dia serang Iraq, negara yang bermusuhan dengan Iraq pun tak bersetuju, termasuk Arab Saudi, Mesir dan lain-lain. Kalau dia serang juga sudah tentu orang Islam akan berasa didiskriminasi dan menimbulkan kebencian kerajaan Islam," katanya.

Perdana Menteri berkata, Amerika Syarikat mengamalkan double standard apabila mahu mengebom

Iraq apabila ia memberitahu dunia supaya mematuhi undang-undang antarabangsa, tetapi tidak mempedulikannya jika peraturan itu dianggap tidak menguntungkan.

Beliau berkata, sokongan Britain terhadap tindakan Amerika untuk menyerang Iraq mungkin cuma membabitkan Perdana Menteri, Tony Blair tetapi tidak disokong oleh rakyat negara itu.

Ditanya apakah kewibawaan PBB tercabar dengan tekanan Amerika itu, beliau berkata PBB dicipta oleh kuasa-kuasa besar untuk kepentingan mereka.

"Pada zaman itu jumlah negara adalah terhad. Jadi mereka berpendapat kalau ada PBB mereka boleh gunanya untuk menghalalkan segala tindakan mereka. Tetapi apabila PBB kukuh dan banyak negara menjadi anggota, kuasa-kuasa besar mendapati mereka tidak boleh lagi manipulasi," katanya.

Dr Mahathir berkata, kuasa besar akan cuba memeralatkan PBB untuk

tujuan mereka sendiri dan jika ia tidak boleh diperalatkan, pertubuhan itu akan dilupakan begitu saja.

Mengenai laporan agensi berita asing bahawa orang kanan al-Qaeda yang ditahan di Pakistan minggu lalu melawat Kuala Lumpur dua tahun lalu, Perdana Menteri berkata, pengganas boleh berada di mana juga dan amat sukar untuk mengenal pasti mereka.

"Ini tidak bermakna bila mereka datang ke negara ini, kita memberikan mereka perlindungan atau sokongan. Kita tidak tahu siapa mereka. Kita tidak sedar. Jika ada yang memberitahu kita dari awal lagi, kita boleh ambil tindakan.

"Tetapi, apabila kita mengambil tindakan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), mereka berkata ia bertentangan dengan prinsip hak asasi manusia dan kita tidak sepatutnya mengambil tindakan sebelum sesuatu jenayah dilakukan.

"Malangnya, apabila sesuatu jenayah itu dilakukan, seseorang perlu menerima padahnya, maka selepas itu baru boleh kita ambil tindakan," katanya.

Perdana Menteri memberi amaran, serangan Amerika terhadap Iraq hanya akan melanjutkan perang terhadap keganasan.

"Saya ingat begitu, ia akan memanjangkan tempoh perang antipengganas," katanya.

Beliau berkata, Malaysia sememangnya arif mengenai perkara itu kerana negara ini sudah melalui pengalaman memerangi pengganas selama kira-kira 42 tahun.

"Ia mengambil masa 42 tahun bagi kita untuk mengalahkan pengganas. Bukannya mudah. Pada siang hari mereka mungkin menjual sayur, tetapi malamnya menjadi pengganas. Mereka mungkin jiran anda hari ini, keesokannya mereka mungkin akan meletupkan diri mereka dari sebuah kapal terbang," katanya.